

**Soalan No: 38**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]

**TARIKH :** 28.3.2018 (RABU)

**SOALAN :**

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah punca berlakunya keadaan kuarters guru yang sudah dibina tetapi masih tidak diduduki dan nyatakan berapakah bilangan kuarters yang tidak diduduki di daerah Larut Matang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pembinaan Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) dibuat berdasarkan kepada permintaan dan keperluan warga pendidik. Namun, kekosongan KIP berlaku disebabkan oleh trend kakitangan sekolah/warga pendidik yang lebih memilih untuk mendiami rumah sendiri ekoran kepesatan pembangunan kawasan perumahan di sekitar kawasan sekolah. Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil langkah untuk mengoptimumkan penggunaan KIP dengan mengiklankan kekosongan KIP kepada jabatan/agensi kerajaan dan swasta untuk ditukar guna kepada tujuan lain atau untuk tujuan sewaan. Bagi daerah Larut Matang terdapat 307 unit KIP yang tidak diduduki daripada 454 unit KIP yang ada.